



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**1. Adakah premis pejabat MOSTI masih boleh dikunjungi?**

Kementerian menghadkan bilangan pegawai yang hadir bertugas dan kehadiran pelawat di pejabat. Pelawat yang ingin berurusan dengan Kementerian digalakkan untuk menghubungi pegawai melalui e-mel dan talian telefon untuk mendapatkan perkhidmatan atau menghubungi talian **Bilik Operasi** Kementerian di talian **03-8885 8721 / 8782** yang beroperasi **dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang**.

Manakala talian *hotline* berikut disediakan bagi membantu pelanggan untuk mendapatkan bantuan bagi perkhidmatan Kementerian:

- (i) 03 - 8885 8892 (Urusan Kewangan)
- (ii) 03 - 8885 8631 (Urusan Sumber Manusia)
- (iii) 03 - 8885 8316 / 8324 / 8703 (Urusan Dana)
- (iv) 03 - 8885 8660 (Urusan R&D dan Rangkaian Makmal Nanoteknologi)

Sebarang soalan berkaitan program / aktiviti kementerian juga boleh dipanjangkan melalui e-mel [covid19mosti@mosti.gov.my](mailto:covid19mosti@mosti.gov.my)

**2. Apakah perkhidmatan penting (*essential service*) di bawah MOSTI yang beroperasi sepanjang tempoh PKPB?**

Perkhidmatan penting (*essential service*) di bawah MOSTI yang beroperasi adalah seperti berikut :

- a) Bahagian Kewangan (Urusan kelulusan kewangan, perolehan dan pembayaran);
- b) Bahagian Akaun (Urusan kelulusan bayaran, gaji dan pengurusan perakaunan);
- c) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Urusan perkhidmatan dan gaji);
- d) Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (Operasi perkhidmatan IT); dan
- e) Bahagian Pentadbiran (Urusan kawalan keselamatan, fasiliti, penyelenggaraan dan pembersihan).

**3. Adakah invoice tuntutan yang dikemukakan oleh pembekal bagi perkhidmatan yang telah disempurnakan akan diproses dalam PKPB?**

Walaupun projek / program ditangguhkan pelaksanaannya, namun tuntutan bayaran bagi pembekalan / perkhidmatan / kerja yang telah disempurnakan dan lengkap invoisnya serta dikemukakan kepada Kementerian sebelum / semasa tempoh PKPB, pembayaran boleh dibuat selaras dengan syarat kontrak.

**4. Adakah mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebutharga (JKSH) bersidang dalam tempoh PKPB?**

Ya, Mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebutharga telah dijadualkan dan akan bersidang dalam tempoh PKPB.

**5. Adakah tender / sebut harga diiklankan / dipelawa dalam tempoh PKPB?**

Tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa, tender / sebut harga akan diiklankan / dipelawa dalam tempoh PKPB.

**6. Adakah sesi Klinik Dana MOSTI masih dibuka dalam tempoh PKPB?**

Klinik Dana MOSTI dilaksanakan seperti biasa melalui platform atas talian (online). Sebarang perkara berkaitan Klinik Dana boleh dikemukakan kepada [helpdesk-edana@mosti.gov.my](mailto:helpdesk-edana@mosti.gov.my) atau menghubungi *Person In Charge* (PIC) seperti berikut:

**Seksyen Penilaian Bahagian Dana**

- a. Puan Noraisyah Khairuddin – [noraisyah@mosti.gov.my](mailto:noraisyah@mosti.gov.my)
- b. Puan Rosnani Rahman – [rosnani@mosti.gov.my](mailto:rosnani@mosti.gov.my)
- c. Puan Nurul Adni Nik Hassan – [nuruladni@mosti.gov.my](mailto:nuruladni@mosti.gov.my)

**7. Adakah premis di bawah MOSTI yang dibuka kepada orang awam masih boleh dikunjungi?**

Ibu Pejabat dan semua Jabatan / Agensi di bawah MOSTI seperti Pusat Sains Negara (PSN) dan Planetarium Negara masih dibenarkan beroperasi namun tidak boleh dikunjungi oleh orang awam.

**8. Apakah program-program MOSTI yang melibatkan perhimpunan ramai seperti Minggu Sains Negara dan *Hackathon* akan diteruskan?**

Semua program MOSTI yang melibatkan perhimpunan ramai ditangguhkan dan sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**9. Bagaimanakah pemegang lesen dan orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ini?**

Pemegang lesen dan orang awam masih boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh AELB melalui Sistem eLesen eSPP di atas talian ataupun melalui e-mel. Sebarang permasalahan boleh hubungi *Person In Charge* (PIC) seperti berikut:

**Ibu Pejabat AELB**

**Bahagian Penilaian dan Perlesenan**

- d. Encik Fedrick Charlie Matthew Brayon – [fedrick@aelb.gov.my](mailto:fedrick@aelb.gov.my)
- e. Encik Muhammad Hassyakirin Hasim – [kirinhasim@aelb.gov.my](mailto:kirinhasim@aelb.gov.my)
- f. Encik Muhammad Redza Fahmi Rosdi – [redza@aelb.gov.my](mailto:redza@aelb.gov.my)

**Bahagian Kawalselia Sinaran**

- a. Dr. Suhana Jalil – [suhana@aelb.gov.my](mailto:suhana@aelb.gov.my)
- b. Encik Mohd Hazmin Safiyudin Abdullah – [hazmin@aelb.gov.my](mailto:hazmin@aelb.gov.my)

**10. Adakah sektor R&D dan makmal ujian dibenarkan beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ini?**

Sektor R&D dan makmal ujian dibenarkan beroperasi bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan sahaja iaitu penyelidikan / pengujian, perkhidmatan analitikal, audit, kerja penyelenggaraan dan kalibrasi.

**11. Adakah TASKA MOSTI di Blok C4 dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini?**

TASKA MOSTI tidak beroperasi sepanjang tempoh PKPB.

**12. Adakah Kafeteria MOSTI di Blok C4 dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ini?**

Kafeteria MOSTI dibenarkan beroperasi seperti biasa terhad kepada 2 orang bagi satu meja sekiranya makan di dalam kafeteria. Walau bagaimanapun kafeteria amat digalakkan beroperasi secara *take-away* sahaja. Pelanggan masih perlu sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal semasa menunggu giliran masuk ke kafeteria, memilih makanan dan membuat bayaran.

**13. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pengusaha Kafeteria bagi memastikan tahap keselamatan para pengunjung terjamin?**

Pengusaha Kafeteria akan memastikan norma baharu dipraktikkan samada oleh pelanggan mahupun pekerja kafeteria iaitu penjarakan fizikal 1 meter, mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* atau menyediakan sinki untuk mencuci tangan dengan sabun, mengambil suhu badan dan menghadkan jumlah 10 orang pelanggan sahaja di dalam Kafeteria pada satu-satu masa.

**14. Adakah Surau MOSTI di Blok C4 dibuka sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ini?**

Surau Ar-Raudhah As-Sakinah MOSTI di Blok C4 dibuka bagi sembahyang Jumaat dan solat berjemaah dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ketat yang ditetapkan sepanjang tempoh PKPB. Bagi solat Jumaat, bilangan jemaah yang dibenarkan hendaklah tidak melebihi 50 orang manakala bagi solat fardu berjemaah dibenarkan tidak melebihi 20 orang jemaah. Jawatankuasa Surau MOSTI bertanggungjawab untuk membuat pemantauan agar peraturan tersebut dipatuhi.

**15. Apakah aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan oleh pihak Kementerian?**

Institusi / jabatan / agensi / syarikat adalah tidak dibenarkan untuk menganjurkan sebarang aktiviti yang melibatkan kumpulan orang yang ramai. Semua aktiviti bersemuka seperti mesyuarat, perbincangan atau latihan tidak dibenarkan dan hendaklah dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya.

**16. Pelanggan yang telah membuat temujanji perkhidmatan memaklumkan bahawa beliau hanya dapat hadir selepas jam 4 petang. Adakah kelonggaran dibenarkan bagi situasi ini?**

Waktu kehadiran pelanggan hanya dibenarkan dari jam 8 pagi hingga 4 petang dan kelonggaran kepada syarat ini adalah tidak dibenarkan.

**17. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam menjalankan operasi semasa tempoh PKP Bersyarat ini?**

Institusi / agensi / jabatan / syarikat perlu mengikut standard operasi yang telah ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu:

- i. Majikan diminta untuk menjalankan saringan suhu dan gejala kesihatan bagi semua pekerja di pintu masuk dan tidak membenarkan pegawai yang menunjukkan gejala berkaitan Covid-19 untuk masuk ke pejabat;

- ii. Pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C dan / atau menunjukkan gejala yang berkaitan hendaklah dirujuk ke klinik berdekatan dan diarahkan untuk menjalani tempoh kuarantin 14 hari di rumah masing-masing;
- iii. Majikan juga perlu melaporkan kepada Pejabat Kesihatan berhampiran sekiranya 5% atau lebih pekerja tidak dapat hadir ke pejabat kerana demam dan / atau menunjukkan gejala berkaitan;
- iv. Selain itu, proses pembasmian dan nyahkuman perlu dilaksanakan setiap hari; dan
- v. Amalan penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan penyediaan *hand sanitizer / disinfecting kits* di pintu masuk, ruang makmal / kerja dan semua kawasan umum perlu dilaksanakan.

**18. Adakah kakitangan MOSTI yang tinggal di lokasi Zon Merah dibenarkan hadir ke pejabat?**

- a) Semua pegawai yang tidak perlu berada di pejabat sepenuh masa, dijadualkan bekerja dari rumah (BDR) termasuk yang tinggal di zon merah; dan
- b) Sekiranya perlu hadir ke pejabat, kebenaran perlu diperolehi daripada Ketua Setiausaha Kementerian di peringkat Ibu Pejabat MOSTI atau Ketua Pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif di peringkat jabatan / agensi.

**19. Adakah kakitangan MOSTI perlu membayar fi bagi ujian pengesanan COVID-19 sekiranya perlu menjalankan ujian tersebut?**

Fi bagi ujian pengesanan COVID-19 kepada penjawat awam yang menjalankan tugas rasmi di dalam dan ke luar negara diberi pengecualian berkuat kuasa 9 Oktober 2020 berdasarkan surat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 13 Oktober 2020.

**20. Apakah tanggungjawab institusi / jabatan / agensi / syarikat semasa berlakunya kecemasan?**

Institusi / jabatan / agensi / syarikat perlu menyediakan *Emergency Response Plan* (ERP) bagi pengendalian kecemasan selain menanggung sepenuhnya kos saringan dan perubatan bagi pekerja yang didapati positif dan kontak rapat di premis yang sama. Institusi / agensi / jabatan / syarikat juga perlu menanggung kos pembasmian dan nyah kuman di ruang makmal / kerja yang perlu dijalankan sebelum dan selepas operasi.

**21. Adakah sebarang kelonggaran kepada syarat-syarat dalam garis panduan ini adalah dibenarkan?**

Sebarang kelonggaran kepada syarat-syarat di dalam garis panduan ini adalah tidak dibenarkan.

**Catatan:**

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
22 OKTOBER 2020**